

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : CAJ PARKIR**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbandingan hasil dan kos pengurusan caj parkir termasuk kos mengepos notis tuntutan.
- b) Adakah berbaloi bagi untuk meneruskan caj parkir jika diambil kira segala kos termasuk kos mengepos notis tuntutan dan setem?
- c) Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menghapuskan kutipan parkir?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah keseluruhan kos pengurusan caj parkir di PBT- PBT Negeri Selangor sebanyak RM9,433,117.93, manakala jumlah keseluruhan hasil pengurusan pula sebanyak RM49,550,655.68. Tiga (3) PBT yang masih belum melaksanakan Caj Parkir iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB). Butiran kos dan hasil pengurusan adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>KOS PENGURUSAN (RM)</b>	<b>HASIL PENGURUSAN (RM)</b>
MBSA	461,380.00	7,666,044.22
MBPJ	5,176,364.00	18,970,228.00
MPK	769,246.49	7,312,502.06
MPAJ	506,877.44	6,126,418.14
MPSJ	2,500,000.00	6,500,000.00

<b>PBT</b>	<b>KOS PENGURUSAN (RM)</b>	<b>HASIL PENGURUSAN (RM)</b>
MPS	19,250.00	188,916.00
MPKj	Kos pengurusan di tanggung oleh Konsensei	2,365,240.00
MPSp	Kos pengurusan di tanggung oleh Konsensei	232,366.60
MDKL	Kos pengurusan di tanggung oleh Konsensei	188,940.66
MDHS	Belum Melaksanakan lagi	Belum Melaksanakan lagi
MDKS	Belum Melaksanakan lagi	Belum Melaksanakan lagi
MDSB	Belum Melaksanakan lagi	Belum Melaksanakan lagi
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>9,433,117.93</b>	<b>49,550,655.68</b>

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

- b) Kerajaan Negeri mendapati kos pengurusan caj parkir masih rendah berbanding dengan jumlah hasil. Justeru itu, ianya masih berbaloi untuk dilaksanakan.
- c) Kerajaan Negeri Selangor tiada cadangan untuk tidak mengenakan caj parkir kenderaan di Selangor buat masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : MEMBENDUNG CAPAIAN MAKLUMAT NEGATIF DI ALAM MAYA**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah golongan belia daripada mengakses maklumat siber yang mengandungi unsur-unsur negatif yang boleh mendorong ke arah masalah sosial, seks, ketagihan bahan lucah dan jenayah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dalam membendung dan mengenal pasti laman-laman web yang boleh mendorong ke arah masalah sosial, seks, ketagihan bahan lucah dan jenayah. SKMM membuat sekatan ke atas laman-laman web tersebut dari diakses oleh rakyat terutama golongan belia di Malaysia dan pihak SKMM sentiasa mengemas kini senarai sekatan terhadap laman-laman web tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
NEGERI SELANGOR**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos keseluruhan bagi pengurusan sisa pepejal mengikut Pihak Berkuasa Tempatan dari Tahun 2010 hingga tahun 2016?
- b) Apakah usaha Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurangkan kos ini?

**JAWAPAN:**

- a) PBT mula mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. pada tahun 2012 dan menguruskan sepenuhnya pada tahun 2013. Anggaran kos keseluruhan pengurusan sisa pepejal mengikut PBT bagi tempoh 2013 sehingga 2016 adalah:

(1)	<b>MBSA</b>	- RM67,741,685.55;
(2)	<b>MBPJ</b>	- RM219,238,301.03;
(3)	<b>MPSJ</b>	- RM83,220,000.00;
(4)	<b>MPKj</b>	- RM232,553,589.27;
(5)	<b>MPS</b>	- RM99,911,375.56;
(6)	<b>MPK</b>	- RM91,589,390.16;
(7)	<b>MPAJ</b>	- RM61,745,502.58;
(8)	<b>MPSp</b>	- RM43,723,000.00;
(9)	<b>MDKS</b>	- RM43,812,593.20;
(10)	<b>MDKL</b>	- RM28,035,900.00;
(11)	<b>MDSB</b>	- RM8,980,719.12; dan
(12)	<b>MDHS</b>	- RM33,819,443.20

PBT	KOS PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI PBT							
	NEGERI SELANGOR							
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	JUMLAH (RM)
MBSA	-	-	-	20,521,870.56	23,234,729.73	20,802,504.42	23,704,451.40	67,741,685.55
MBPJ	60,686,924.13	97,646,010.87	49,770,318.92	52,521,017.99	54,842,757.55	57,039,895.49	54,834,630.00	219,238,301.03
MPSJ	25,600,000.00	28,200,000.00	19,530,000.00	19,320,000.00	20,300,000.00	21,500,000.00	22,100,000.00	83,220,000.00
MPKj	-	-	48,001,309.30	41,973,932.82	59,969,008.75	61,975,732.04	68,634,915.66	232,553,589.27
MPS	-	21,217,367.22	22,066,552.61	22,960,431.92	23,843,347.67	25,879,488.06	27,228,107.91	99,911,375.56
MPK	68,681,48.30	9,266,894.14	16,600,783.10	21,602,610.45	22,027,464.73	22,999,550.55	24,959,764.43	91,589,390.16
MPAJ	-	-	15,244,141.55	15,240,666.49	15,594,370.26	15,188,386.30	15,722,079.53	61,745,502.58
MPSP	-	-	-	9,358,600.00	9,813,600.00	12,908,600.00	11,642,200.00	43,723,000.00
MDKS	9,238,236.98	7,256,167.47	5,181,552.63	9,981,213.49	10,338,467.93	12,188,865.45	11,304,046.33	43,812,593.20
MDKL	6,557,326.60	4,699,214.40	3,851,930.12	6,900,000.00	6,500,000.00	8,135,900.00	6,500,000.00	28,035,900.00
MDSB		2,577,620.00	2,577,620.00	2,236,649.76	2,236,649.76	2,236,649.76	2,270,769.84	8,980,719.12
MDHS	8,300,000.00	8,000,000.00	7,500,000.00	7,714,721.6	7,714,721.6	8,230,000.00	10,160,000.00	33,819,443.20

\*\*\*Sumber : Semua PBT Negeri Selangor

- b) Kos pengurusan sisa pepejal di PBT di Negeri Selangor sukar dikurangkan disebabkan oleh beberapa faktor antaranya pertumbuhan bandar yang pesat, pertumbuhan kawasan perumahan, penambahan bilangan penduduk dan peningkatan kos operasi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah bagi mengurangkan pengeluaran sisa pepejal yang secara tidak langsung boleh mengawal kos pengurusan telah dilaksanakan oleh semua PBT Negeri Selangor seperti berikut:

- (1) Menjalankan aktiviti kitar semula dengan mengadakan program 3R (Reduce, Reuse and Recycle) bersama komuniti penduduk dan juga di peringkat sekolah rendah, menengah dan peringkat dalaman PBT;
- (2) Program kitar semula pakaian terpakai;
- (3) Program kitar semula e-Waste;

- (4) Menyediakan pusat kitar semula dan tong pengumpulan bahan kitar semula berpusat serta kutipan bahan kitar semula secara terus dari rumah penduduk;
- (5) Program pengkomposan sisa makanan dan kitar semula serta gaya hidup berkarbon rendah;
- (6) Memastikan konsep 3R diserap di peringkat perancangan iaitu permohonan kebenaran merancang dan kelulusan pelan bangunan sebagai contohnya sistem IBS bagi pembinaan bangunan.;
- (7) Program Kerjasama antara Universiti Malaya dan Majlis Daerah Kuala Langat dalam program “Lets Clean and Go Green” di Pantai Baharu, Morib;
- (8) Program 3R dan Pembersihan Pantai bersama MAHSA Pharmacy Students Society (MPSS);
- (9) Mengadakan kempen Ramadhan Mampan;
- (10) Mensyaratkan larangan penggunaan beg plastik di kedai-kedai dan pasar raya;
- (11) Larangan penggunaan polistirena sebagai bekas makanan di restoran dan pasar; dan
- (12) Melaksanakan kempen pengumpulan minyak masak terpakai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Peduli Sihat ini mampu memastikan setiap rakyat Selangor mendapat khidmat bantuan kesihatan dengan segera?
- b) Bagaimanakah skim ini boleh menggalakkan rakyat di Negeri Selangor lebih peka terhadap penjagaan kesihatan?
- c) Apakah kriteria pemilihan klinik yang mempunyai skim ini?

**JAWAPAN:**

- a) Skim Peduli Sihat adalah skim penjagaan kesihatan asas dengan kos rawatan percuma sehingga RM500 setahun bagi keluarga dan RM200 setahun bagi individu. Istimewanya, selain daripada mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, skim ini turut meningkatkan akses untuk mendapat rawatan kesihatan asas daripada mana-mana penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta yang mendaftar sebagai panel yang secara tidak langsung banyak ruang kepada rakyat untuk mendapatkan rawatan dengan segera. Pada masa ini, terdapat 869 klinik yang berdaftar di sekitar Lembah Klang.
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penyertaan skim peduli sihat setakat 17 Oktober adalah berjumlah 582,932 orang dengan jumlah tuntutan sebanyak RM5.508 juta.

Kadar penggunaan yang tinggi secara tidak langsung menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan telah meningkat dengan begitu ketara sekali.

- c) Kriteria Utama Klinik Amalan Am atau General Practice (GP) adalah seperti berikut:
  - 1. Pengamal Klinik GP mesti berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan mempunyai Sijil Amalan Tahunan yang sah (APC);
  - 2. Mempunyai akses Internet, Mesin Faks, dan Telefon; dan
  - 3. Caj yang dikenakan mesti mematuhi Jadual Fi Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Selain daripada kriteria utama di atas, Pengamal Perubatan bagi setiap klinik GP harus mematuhi perkara berkiut:

1. Sijil Amalan Tahunan atau Annual Practicing Certificate (APC);
2. Memorandum Persatuan atau Memorandum of Association (M&A);
3. Ringkasan Klinik Sebut Harga / Caj (PS-CC-C); dan
4. Borang Kelulusan Panel Pembekal Penjagaan Kesihatan (PS-AF-C)



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI JALAN 19 TAMAN PUTRA, AMPANG**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah dewan ini boleh dibina atas tanah rizab pendidikan?
- b) Bilakah dewan ini boleh dibaikpulih atau diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan?

**JAWAPAN:**

- a) MPAJ mendapati bangunan ini dibina sebelum tahun 2008 oleh penduduk setempat sebagai Balai Raya serta diambil alih oleh MPAJ sejak 2009. Pengambilalihan ini adalah selaras dengan Keputusan Majlis Mesyuarat Negeri Bilangan 15/2008 bertarikh 18 Jun 2008 memutuskan mana-mana bangunan yang dibina di atas rizab kerajaan / kawasan lapang diurus tadbir oleh Pihak Majlis. Pada masa ini, ia dalam proses perwataan semula sebagai rizab kemudahan awam.
- b) Ketika ini Pihak Majlis sedang menyelaraskan perwataan semula tapak rizab pendidikan kepada kemudahan awam

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BEKALAN AIR BERSIH DI KAWASAN DUN MERU**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan dan keupayaan bekalan air loji kolam di Meru?
- b) Apakah punca utama kekerapan kes gangguan bekalan air selain daripada kes paip pecah di Meru?
- c) Apakah perancangan menambah baik bekalan selain program penggantian paip lama di Meru?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman pihak YB, terdapat dua(2) sumber bekalan air yang utama ke kawasan Meru, iaitu:-

**1. Loji Rawatan Air North Hummock**

Terdapat satu Loji Rawatan Air di Kawasan Meru, iaitu Loji Rawatan Air North Hummock. Loji ini mendapat bekalan air mentah dari empangan Tasik Subang. Loji ini membekalkan air ke sebahagian kawasan Meru dengan kapasiti pengeluaran semasa sebanyak 15 juta liter melalui paip utama bersaiz 500mm dari kolam air bersih ke kawasan agihan di Pekan Meru.

**2. Kolam Air Lam Bee**

Selain itu, terdapat juga sebuah kolam air, iaitu Kolam Air Lam Bee yang menjadi sumber bekalan air yang utama ke kawasan Meru dengan rekabentuk kapasiti simpanan sebanyak 19 juta liter. Kolam ini mendapat bekalan dari sumber Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 dan 2 yang mendapat bekalan air mentah dari Sungai Selangor.

Berdasarkan rekod yang diperolehi, Loji North Hummock membekalkan air untuk kawasan Meru berjumlah 4,430 akaun, manakala untuk Kolam Air Lam Bee pula membekalkan air sebanyak 28,820 akaun untuk kawasan Kapar dan Meru.

- b) Bekalan air ke kawasan Meru disalurkan dari Loji Rawatan Air North Hummock dan dari sumber bekalan SSP1 dan SSP2. Terdapat 3 faktor utama yang menyebabkan gangguan bekalan air di kawasan Meru seperti:-

1. Gangguan pengeluaran atau pengurangan bekalan air dari Loji rawatan air utama yang disebabkan oleh kes pencemaran sumber air mentah atau pengurangan kadar aliran dari sungai;
  2. Gangguan bekalan elektrik ke atas pemasangan/ penambahbaikan rumah pam, loji rawatan air (terputus bekalan elektrik);
  3. Kerosakan kepada pemasangan injap kawalan tekanan atau pada pemasangan injap di sepanjang jajaran tersebut sebagai contoh injap jatuh, injap tersekat, pecah atau bocor.
- c) Perancangan menambahbaik bekalan selain program penggantian paip ialah dengan melaksanakan program pembentukan Zon Kawalan Meter – “District Metering Zone (DMZ)” atau Zon Pemantauan Tekanan - “Pressure Monitoring Zone (PMZ)” bagi kawasan yang kritikal dan berada di luar liputan DMZ atau PMZ. DMZ/PMZ tersebut akan dipasang meter dan juga injap kawalan tekanan untuk mengurangkan tekanan air ke tahap optimum. Langkah ini akan dapat mengurangkan masalah paip pecah yang disebabkan oleh tekanan air yang tinggi dan keadaan paip yang uzur. Pengurangan tekanan akan dilakukan tanpa menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ENAKMEN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SELANGOR**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal akan dilaksanakan?
- b) Senaraikan undang-undang kecil dan pelan tindakan pengurusan sisa pepejal yang telah dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sementara menunggu pelaksanaan enakmen ini.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor masih dalam proses penelitian secara terperinci oleh pihak perundangan kerana proses kelulusan Enakmen tersebut perlu melalui beberapa proses yang lebih ketat.

Sehubungan itu, PBT masih menggunakan peruntukan sedia ada iaitu **Undang-Undang Kecil (UUK) Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007**. Sementara menunggu proses semakan draf Enakmen tersebut siap sepenuhnya, pihak Kerajaan Negeri juga telah memohon pandangan dan ulasan perundangan untuk menambah baik Undang-Undang Kecil (UUK) Pembuangan, Pemungutan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007 dengan memasukkan input-input yang telah dipersetujui semasa penyediaan draf Enakmen Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi baik pulih dan penyelenggaraan PPR di Selangor dari tahun 2014-2017.
- b) Nyatakan kategori baik pulih dan penyelenggaraan yang telah dibuat.
- c) Nyatakan lokasi PPR yang menerima manfaat tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) mula mengambil alih kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR Kota Damansara daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 1 Mei 2013. Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah RM13,081,953.40 iaitu termasuk peruntukan sebanyak RM5juta oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS.

Seterusnya PHSSB mula mengambil alih kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR Kg. Baru Hicom daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) pada 1 September 2014. Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah RM5,196,191.66. Kos ini adalah tidak termasuk dengan kerja pembaikan yang dijalankan oleh LPHS.

Manakala bagi PPR Seri Kiambang, Serendah, PHSSB mula mengambi lalih pengurusan bangunan tersebut daripada LPHS berkuat kuasa 1 Mac 2015. Kos yang dibelanjakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh PHSSB adalah RM472,999.50. Kos ini adalah tidak termasuk dengan kerja pembaikan yang dijalankan oleh LPHS.

- b) **KERJA-KERJA BAIKPULIH**

Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) mula mengambil alih kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR Kota Damansara daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 1 Mei 2013. Di antara kerja baik pulih yang dijalankan oleh PHSSB adalah seperti berikut:

- a) Membaik pulih dan menaik taraf lif yang sebelum ini hanya satu unit lif sahaja berfungsi di setiap blok dan kerap mengalami kerosakan
- b) Membaik pulih “railing” koridor dan tangga yang hilang dan reput
- c) Membuat kalibrasi ke atas sistem elektrik
- d) Mengecat semula keseluruhan bangunan yang luntur
- e) Menaik taraf dan membina tempat letak motosikal dan ditambah dengan lampu untuk keselamatan
- f) Memasang CCTV
- g) Memasang dan mengganti lampu koridor dan lampu tangga yang hilang dan rosak
- h) Memasang dan mengganti pintu-pintu bilik sistem elektrik yang rosak
- i) Pemasangan kabel bumi
- j) Pemasangan penangkap kilat
- k) Membaik pulih pam dan tangki air yang bocor
- l) Membaik pulih sistem perpaipan dan “waterproofing”
- m) Menaik taraf padang permainan
- n) Membina pagar untuk meningkatkan keselamatan penduduk
- o) Pemasangan “barrier gate”
- p) Menaik taraf jalan dan tanda jalan
- q) Menanam pokok dan menaik taraf landskap untuk kehidupan yang lebih kondusif
- r) Penggantian tong sampah domestik yang telah uzur
- s) Pembersihan dan pembaikan unit kosong secara berperingkat
- t) Penggantian tingkap tangga dari tingkap “naco” kepada “casement”
- u) Membaik pulih penutup longkang yang rosak
- v) Membina landskap di laluan masuk PPR
- w) Memasang “signage” PPR
- x) Pemasangan tile di lobi lif

Seterusnya PHSSB mula mengambil alih kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR Kg. Baru Hicom daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) pada 1 September 2014. Di antara kerja baik pulih yang dijalankan oleh PHSSB adalah seperti berikut:

- a) Membaik pulih dan menaik taraf lif
- b) Membaik pulih tangki yang bocor
- c) Pemasangan “barrier gate”
- d) Pendawaian semula kabel bumi
- e) Pemasangan CCTV di dalam lif
- f) Memasang penutup longkang “concrete pre-cast” dan “iron railing”
- g) Membaik pulih lampu jalan
- h) Membaik pulih “pavement laying”
- i) Membaik pulih pagar di kawasan loji kumbahan

- j) Membaik pulih loji rawatan kumbahan (STP)
- k) Membaik pulih taman permainan
- l) Menaik taraf “line parking” untuk OKU
- m) Pembersihan dan pembaikan unit kosong secara berperingkat

Bagi PPR Seri Kiambang, Serendah, PHSSB mula mengambil alih pengurusan bangunan tersebut daripada LPHS berkuat kuasa 1 Mac 2015. Di antara kerja baik pulih yang telah dilaksanakan oleh PHSSB adalah seperti berikut:

- a) Membaik pulih tangki dan rumah pam
- b) Membaik pulih unit kosong
- c) Membaik pulih pondok pengawal
- d) Membaik pulih pagar masuk.
- e) Pembersihan dan menutup pintu dan tingkap bagi unit kosong

### **KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

Kerja-kerja penyelenggaraan harian bangunan yang dijalankan oleh PHSSB di ketiga-tiga PPR ini adalah:

- a) Menyelenggara sistem mekanikal dan elektrik merangkumi lif, genset, pam dan tangki air, dan penyelenggaraan lampu kawasan guna sama.
  - b) Menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pencucian kawasan guna sama seperti di lobi, laluan koridor, di tangga, longkang dan tempat parkir serta menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput.
  - c) Menjalankan kerja-kerja pengurusan sampah domestik dan pukal
  - d) Menjalankan kerja-kerja pengurusan keselamatan bangunan, harta awam dan penduduk PPR.
  - e) Melaksanakan kerja-kerja sivil seperti menyelenggara “mainhole” dan menyelenggara sistem perpaipan yang mengalami kebocoran.
  - f) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan landskap.
  - g) Melaksanakan aduan kerosakan unit dan kawasan umum seperti penggantian tombol, lampu, sinki tersumbat, “waterproofing” dan lain-lain.
- c) Lokasi PPR yang menerima manfaat tersebut yang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) adalah:
- i) PPR Kota Damansara, Seksyen 8, Petaling Jaya
  - ii) PPR Kg. Baru Hicom, Sek. 26, Shah Alam
  - iii) PPR Seri Kiambang, Taman Tasik Teratai, Serendah

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PARIT BESAR DI BELAKANG PANTAI HOSPITAL KLANG**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerja penstabilan tanah di belakang 263, Persiaran Raja Muda Musa yang hakis masih belum dimulakan walaupun dinyatakan akan bermula pada Mei 2017 dan siap pada Julai 2017. Apakah sebab kelewatan tersebut?
- b) Bila kerja akan dimulakan?

**JAWAPAN:**

- a) Kelewatan tersebut adalah kerana Majlis sedang mengenal pasti persempadanan bahagian terlibat berikutan rizab parit tersebut berhampiran dengan tanah persendirian.
- b) Kerja-kerja akan dimulakan setelah kerja ukur tanah selesai.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : SKIM SMART SEWA**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan yang telah dikeluarkan setakat ini?
- b) Berapa peserta setakat ini yang terpilih mendapat pembiayaan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga hari ini, sebanyak 861 unit rumah mampu milik dengan kos RM123.14 juta telah pun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini.
- b) Sehingga kini 220 iaitu sebanyak 26 peratus unit rumah telah sedia untuk disewakan dengan kadar sewaan daripada RM550.00 sebulan sehingga RM650.00 sebulan. Manakala sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi dijangka akan disiapkan dan sedia untuk disewakan manakala bakinya sebanyak 530 unit dijangka dapat disiapkan untuk disewakan mulai tahun 2018 hingga 2020. Tuan Speaker, setiap penyewa dijangkakan akan menerima balik sekurang-kurangnya sebanyak RM10,000.00 hingga RM12,000.00 selepas lima (5) tahun. Dari itu, Kerajaan Negeri dijangkakan akan mengembalikan kepada penyewa sebanyak RM9.5 juta bagi membolehkan mereka dan keluarga memiliki kediaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR *BIO BAY***

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk insentif utama kerajaan bagi menarik minat pelaburan di Selangor *Bio Bay*?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Kerajaan Negeri tiada memberikan insentif untuk menarik minat pelaburan di Selangor Bio Bay kerana insentif-insentif berbentuk kewangan diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan menerusi agensi-agensi seperti MIDA dan *Malaysian Bioeconomy Development Corporation* Sdn. Bhd. lain-lain lagi yang berkaitan dengan industri Bio Teknologi.

Walaupun secara dasarnya tiada insentif atau galakan berbentuk kewangan yang ditawarkan, namun pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenal pasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : APAKAH LANGKAH DAN PERANCANGAN YANG TELAH DIAMBIL  
OLEH KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMINIMAKAN KEJADIAN YANG  
MUNGKIN BERLAKUNYA KEBAKARAN SEPERTINYA KEJADIAN  
SEKOLAH TAHFIZ DARUL QURAN ITTIFAQIYAH DI DATUK  
KERAMAT**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah Sekolah Tahfiz tanpa kebenaran PBT di bawah Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Pemerkasaan Sekolah Tahfiz di Selangor daripada Dengkil. (Soalan No. 44)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Selangor telah dimaklumkan tentang cadangan jajaran terkini Projek *High Speed Rail* melalui Negeri Selangor?
- b) Apakah kerajaan telah bersetuju dengan cadangan tersebut?
- c) Apakah bentuk penyelesaian isu pengambilan tanah penduduk yang terlibat?

**JAWAPAN:**

Melalui penelitian saya, dua soalan telah ditanyakan tentang perkara berkaitan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail* – HSR). Soalan-soalan tersebut datangnya dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
234	Dengkil	<b>HIGH SPEED RAIL</b>  a) Nyatakan status terkini cadangan projek ini.  b) Adakah terdapat sebahagian jajarannya yang melalui kawasan DUN Dengkil?  c) Adakah terdapat sesi penerangan dan perbincangan bersama penduduk dilakukan berkaitan proses pengambilalihan tanah yang bakal dilakukan?

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Sepat dan Yang Berhormat Dengkil berhubung status pelaksanaan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail* – HSR) Kuala Lumpur – Singapura.

Tuan Speaker,

- a) Pelaksanaan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (*High Speed Rail*- HSR) Kuala Lumpur ke Singapura yang melibatkan sebahagian kawasan di dalam Negeri

Selangor telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2016 pada 23 Jun 2016 oleh MyHSR Corp.

- b) Berdasarkan keputusan MMKN tersebut yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 22/2016 pada 13 Julai 2016, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memutuskan bahawa jajaran koridor berkenaan belum dimuktamadkan. MyHSR hanya dibenarkan untuk mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi membolehkan kajian tapak dibuat. Pada masa ini, pihak MyHSR Corp. masih belum membentangkan hasil kajian kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan selanjutnya.
- c) Merujuk kepada isu pengambilan tanah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil dan Yang Berhormat Tanjung Sepat, perkara ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah lot-lot yang terlibat dengan cadangan jajaran dikenalpasti, iaitu setelah pembentangan mengenai hasil kajian dibuat oleh MyHSR kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : USAHA MEMBAIK PULIH LIF FLAT DAN PANGSAPURI**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan kerajaan Negeri bagi membantu membaik-pulih lif-lif di kawasan flat dan pangsapuri di Selangor?
- b) Nyatakan sasaran untuk dicapai menerusi program "*Selangor Smart Life*" untuk membantu kemudahan penduduk.
- c) Berapakah unit lif yang telah berjaya dibaiki dan nyatakan kawasan yang terbabit?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi pelaksanaan Skim SMART LIFE yang merupakan bantuan khusus untuk lif yang diberikan kepada pangsapuri kos rendah sahaja (RM42,000.00 ke bawah) seperti berikut:
  - Bantuan baik pulih lif secara percuma tanpa perkongsian kos daripada penduduk.
  - Bantuan bayaran fi firma kompeten untuk penyenggaraan lif (kontrak komprehensif).
- b) Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk membaik pulih sejumlah 118 unit lif melibatkan 25 kawasan bagi tahun 2017.
- c) Setakat ini tiada projek baik pulih lif yang telah siap dilaksanakan. Walau bagaimanapun tempoh siap projek baik pulih lif bagi kawasan-kawasan yang telah dikeluarkan surat setuju terima (SST) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****TEMPOH SIAP BAGI PROJEK SMARTLIFE YANG TELAH DIKELUARKAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PANGSAPURI</b>	<b>JUMLAH UNIT LIF IKUT PANGSAPURI</b>	<b>NILAIAN BANTUAN IKUT SST</b>	<b>TEMPOH SIAP</b>
1	Rimba Seksyen 16	5	1,520,000.00	September 2018.
2	Desa Mentari Blok 1	2	218,328.20	November 2017.
3	Kos Rendah Pandan Utama, Persiaran Pandan Utama 5A	2	459,997.60	Ogos 2018.
4	Dahlia, Ukay Bistari	2	540,600.00	November 2017.
5	Sri Mutiara, Ukay Bistari	2	450,743.38	Februari 2018
6	Kos Rendah Pandan Cahaya (RPR) 15 Tingkat	2	580,000.00	Mei 2018.
7	Blok A2 & A3, Taman Bukit Segar Fasa 1	4	335,808.00	November 2017.
8	Sri Perantau	24	7,401,146.80	Januari 2019
<b>JUMLAH</b>		<b>43</b>	<b>11,506,623.98</b>	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : MEWUJUDKAN SISTEM DINAR DI NEGERI SELANGOR**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif melaksanakan sistem dinar emas di dalam urus niaga perdagangan dalam negeri Selangor supaya membantu peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur dalam dan luar negeri mengelakkan risiko kerugian di dalam urus niaga mata wang Ringgit Malaysia?

**JAWAPAN:**

- b) Pada masa ini pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk berbuat demikian.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL INDUSTRI**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah kaedah pengurusan sisa pepejal industri di semua PBT?
- b) Sila nyatakan apakah kaedah pengurusan sisa pepejal industri yang bertoksik dan merbahaya?
- c) Sila huraikan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam konteks pengurusan sisa pepejal industri secara holistik?

**JAWAPAN:**

- a) PBT mempunyai dua (2) kaedah dalam menguruskan sisa pepejal industri iaitu:
  - (1) Memberikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal melalui kontraktor yang dilantik oleh PBT bagi kawasan pengilang kecil/ ringan atau kawasan komersial seperti sampah-sampah harian atau sisa-sisa kantin dengan jadual kutipan sebanyak lima (5) kali seminggu dan dilupuskan di tapak pelupusan yang dibenarkan oleh PBT; dan
  - (2) Sisa pepejal bagi industri berat atau pasaraya-pasaraya besar yang merangkumi sisa-sisa pukal (sisa daripada pengoperasian produk kilang / pasaraya), PBT telah mensyaratkan kepada pengusaha/pemilik lesen untuk melantik kontraktor panel atau kontraktor yang berdaftar dengan PBT dengan menggunakan kos sendiri bagi perkhidmatan tersebut. Bagi memastikan sisa yang diangkut dibuang dengan selamat ke tapak pelupusan yang dibenarkan, PBT mengenakan syarat wajib kepada setiap kontraktor panel sisa industri untuk menghantar laporan bulanan kepada PBT yang meliputi bukti penghantaran sampah (Tipping Receipt) ke tapak pelupusan sebagai salah satu syarat untuk memperbaharui lesen kutipan sampah. PBT juga mewajibkan pemilik premis menghantar laporan bulanan pembuangan sisa pepejal sebagai bukti pematuhan syarat.
- b) Pengurusan sisa industri yang dikategorikan sebagai sisa berjadual (bahaya) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak PBT telah menetapkan kepada setiap premis industri berlesen untuk melantik kontraktor yang mempunyai lesen daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh

pemilik premis. Kontraktor tersebut hendaklah menguruskan pelupusan sisa buangan tersebut dengan menghantar sisa tersebut ke syarikat Kualiti Alam atau syarikat Radicare untuk dilupuskan. Selain itu, bagi tujuan pemantauan, pihak PBT telah mengarahkan setiap premis industri berlesen menghantar laporan pelupusan sisa buangan terjadual secara bulanan.

- c) Pengurusan sisa industri khususnya oleh PBT-PBT yang mempunyai pusat-pusat industri ringan atau berat sentiasa komited dalam usaha menambah baik pengurusan sisa pepejal industri bagi memastikan sisa-sisa yang dijana oleh industri diurus dengan selamat sehingga ke tapak pelupusan yang dibenarkan. Sehubungan itu, PBT ada membuat perancangan dalam tempoh masa pendek dan panjang. Antara perancangan-perancangan oleh PBT adalah:

#### Perancangan Masa Pendek

- (1) PBT berkerjasama dengan pihak Industri/Kilang secara komited dalam usaha untuk mencari penyelesaian berguna untuk menguruskan sisa industri dengan berkesan;
- (2) Mendidik pekerja dan pihak pengurusan tertinggi Industri/Kilang untuk mengamalkan aktiviti kitar semula di semua peringkat sektor perkilangan dan industri;
- (3) Pihak industri/kilang diminta untuk mewujudkan polisi kitar semula sebagai aktiviti yang perlu diamalkan oleh mereka;
- (4) PBT akan memberikan pelbagai inisiatif dan perkongsian seperti sesi taklimat/ceramah berkaitan 3R ke kilang-kilang;
- (5) Mewujudkan usaha sama penganjuran kempen kitar semula bagi memberi penekanan tentang kepentingan pengurusan sisa di pusat penjanaan sisa. Pihak industri/kilang;

#### Perancangan Masa Panjang

- (1) Merancang untuk memperkasakan pengurusan sisa industri bersepadu, dengan memperbanyakkan penglibatan syarikat kontraktor pengurusan sisa yang berminat untuk menjadi panel kontraktor pengurusan sisa industri contohnya di MBSA supaya masalah lambakan pusat sampah haram dapat diatasi dengan berkesan dan efektif;

- (2) Merancang untuk menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pengusaha kilang dan kontraktor panel yang dilantik dengan membuat auditan pengurusan dan pelupusan sisa industri/perdagangan; dan
- (3) Merancang untuk mengambil alih pengurusan sisa industri sekiranya mempunyai peruntukan yang mencukupi dan keperluan logistik yang besar; atau
- (4) Menjemput pelabur untuk membuat pelaburan khusus oleh pihak swasta bagi meneroka sistem rawatan dan pelupusan sisa industri yang baru dan lebih efisien agar keselamatan dan kesejahteraan alam sekitar dapat dikekalkan dan ditambah baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : WABAK MALARIA DAN DENGGI**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status Malaria di Selangor.
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan kelompok pendatang asing tidak menjadi pencetus wabak malaria dan denggi?

**JAWAPAN:**

- a) Status kes malaria di negeri Selangor yang telah dicatatkan sehingga 14 Oktober 2017 adalah sebanyak 87 kes.
- b) Peraturan pengambilan dan kemasukan warga asing ke Malaysia seterusnya yang berada di Negeri Selangor adalah tugas sepenuhnya pihak Jabatan Imigresen Malaysia. Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa salah satu syarat untuk kemasukan pekerja asing adalah perlu disahkan sihat oleh pusat pemeriksaan kesihatan di negara sumber bagi mengelakkan pendatang asing membawa penyakit yang tidak diingini ke dalam Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DAN TANAH PERSENDIRIAN**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan penguatkuasaan yang dilakukan untuk menyekat pencerobohan ke atas tanah kerajaan dan tanah persendirian?
- b) Adakah perlu untuk menggubal enakmen baru bagi mendenda dan memenjarakan penceroboh tanah kerajaan dan tanah persendirian?

**JAWAPAN:**

- a) Sebarang jenis pencerobohan yang dilakukan ke atas tanah kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN). Antara usaha Kerajaan Negeri bagi menyekat pencerobohan ke atas tanah kerajaan adalah dengan mendirikan papan tanda tanah kerajaan dan membina pagar di atas tanah tersebut. Sehingga Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sekitar RM 100,000.00 bagi mendirikan pagar di dua kawasan tanah kerajaan. Sekiranya berlaku sebarang pencerobohan di atas tanah kerajaan, Pentadbir Tanah akan mengeluarkan notis 425 Kanun Tanah Negara (KTN). Tindakan penguatkuasaan seperti perobohan akan dilaksanakan terhadap penceroboh yang masih ingkar.

Bagi pencerobohan di atas tanah persendirian adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah untuk menjaga tanah-tanah yang telah diberi milik kepada mereka.

- b) Kerajaan Negeri berpandangan buat masa ini tidak perlu untuk digubal enakmen baru kerana Kanun Tanah Negara (KTN) telah dibuat pindaan pada tahun 2016 di bawah Akta A1516 dan diguna pakai bermula Januari 2017 yang mana denda ke atas penceroboh tanah kerajaan telah dinaikkan daripada RM10,000.00 kepada RM500,000.00 serta penjara juga telah dipanjangkan tempoh daripada dua (2) tahun kepada lima (5) tahun. Manakala, tiada peruntukan undang-undang yang diperuntukkan bagi tanah persendirian. Mengikut Seksyen 44 (1) (a) KTN, pemilik tanah mempunyai hak eksklusif ke atas tanahnya. Justeru itu, pemilik tanah hendaklah menjaga tanah yang diberi milik daripada sebarang pencerobohan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan dari blok Asia di Selangor.
- b) Nyatakan jumlah dan jenis pelaburan dari blok dari negara OIC.
- c) Nyatakan jumlah dan jenis pelaburan dalam negara di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh tahun 2015 hingga Jun 2017, sebanyak **145 projek perkilangan** telah diluluskan di Selangor dengan penglibatan para pelabur dari negara-negara blok Asia dengan nilai pelaburan bernilai **RM 5,387,532,751**
- b) Bagi tempoh 2015 hingga Jun 2017 sebanyak 17 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor yang melibatkan pelabur dari negara – negara OIC dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 308,403,623**. Antara industri yang melibatkan penglibatan pelabur-pelabur dari Negara OIC adalah seperti berikut:-
  - i. Food Manufacturing*
  - ii. Chemical Products*
  - iii. Petroleum Products ( Inc. Petrochemicals)*
  - iv. Textiles*
- c) Bagi tempoh 2015 hingga Jun 2017, MIDA merekodkan nilai pelaburan berjumlah **RM 17,550,421,629 dengan 551 projek perkilangan** yang diluluskan di Negeri Selangor. Pelabur tempatan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 9,582,432,557 (55%)**. Antara industri – industri yang menjadi tumpuan seperti berikut:-
  - i. Food Manufacturing.*
  - ii. Beverages & Tobacco*
  - iii. Textiles Products*
  - iv. Wood Products*
  - v. Furniture & Fixtures*

- vi. *Paper, Printing & Publishing*
- vii. *Chemical Products*
- viii. *Petroleum Products (inc. Petrochemicals)*
- ix. *Rubber Products*
- x. *Plastic Products*
- xi. *Non – Metallic Mineral Products*
- xii. *Basic Metal Products*
- xiii. *Fabricated Metal Products*
- xiv. *Machinery Manufacturing*
- xv. *Electronics & Electricals Products*
- xvi. *Transport Equipment*
- xvii. *Scientific & Measuring Equipment*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENGIKTIRAFAN SUMBANGAN SURI RUMAH**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor boleh mengiktiraf sumbangan kaum wanita yang menjadi suri rumah, mengurus rumah tangga dalam konteks pembangunan sesebuah negeri/ negara?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mengiktiraf sumbangan dan peranan kaum wanita termasuk golongan wanita yang memilih untuk menjadi suri rumah. Kerajaan Negeri melalui Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan akan menubuhkan projek perintis koperasi milik wanita yang akan diterajui dan dianggotai oleh kaum wanita yang membuka peluang kepada perniagaan yang berteraskan masyarakat. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), koperasi adalah satu bentuk perusahaan berdaya maju yang telah terbukti menjana pendapatan serta menjadi asas yang berkesan untuk mengurangkan ketaksamaan berdasarkan gender, umur, bangsa, etnik dan keupayaan fizikal. Selain golongan suri rumah, antara kumpulan wanita yang terpinggir untuk dibantu adalah seperti berikut :
- i) Wanita ketua keluarga yang tinggal di luar bandar;
  - ii) Wanita ketua keluarga dalam kalangan komuniti India;
  - iii) Wanita berpendidikan rendah dan tiada dalam tenaga kerja;
  - iv) Wanita bercerai, berpisah dan kematian suami bergaji rendah dan berpendapatan isi rumah rendah;
  - v) Wanita orang asli; dan
  - vi) Wanita bercerai yang ditinggalkan tanpa nafkah.

Kerajaan Negeri berhasrat dengan penubuhan koperasi ini dapat membantu golongan suri rumah secara terus melalui manfaat perusahaan koperasi berasaskan perkhidmatan yang akan direncanakan kelak. Hasil keuntungan koperasi dan dividen dapat memberikan pulangan dan manfaat secara terus kepada ahli koperasi yang terlibat.